

28 JUN 2001

MAHATHIR-BON

TERBITAN BON GLOBAL BUKAN UNTUK TAMBAH RIZAB, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak spekulasi yang mengatakan cadangan penawaran bon global oleh kerajaan di pasaran modal antarabangsa bertujuan untuk menambah rizab negara.

Malaysia mempunyai rizab yang mencukupi untuk membiayai tiga bulan import tertanggung, katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah kepada para pemenang pertandingan Venture 2001, di sini.

"Ia berada di tahap yang agak baik," katanya mengenai kedudukan rizab negara.

"Ia bukan untuk projek tertentu. Kami hanya perlu mencukupkan keperluan yang ada. Jadi ia merupakan amalan biasa," katanya, mengulas pengumuman hari ini tentang pelancaran bon global oleh Kementerian Kewangan dan spekulasi yang mengatakan pulangan daripada bon itu akan digunakan untuk meningkatkan rizab negara.

Dr Mahathir juga berkata nilai terbitan bon itu dianggarkan sebanyak AS\$1 bilion (RM3.8 bilion).

Beliau berkata: "Ini merupakan perkara biasa, setiap tahun kami menuju kepada pasaran, mendapatkan sedikit wang menerusi terbitan bon."

Hari ini, ketika mengumumkan cadangan terbitan bon itu, Kementerian Kewangan menyatakan pulangan daripada terbitan bon itu merupakan pembiayaan baru dan akan digunakan untuk tujuan pembiayaan am kerajaan.

Bon-bon itu akan diberi penarafan "BBB" oleh Standard & Poor's dan "Baa2" oleh Moody's Investors Service Inc.

Ditanya samada wang yang akan didapati adalah mencukupi untuk mempertahankan tahap tambatan ringgit, beliau menjelaskan: "Tiada apa yang hendak dipertahankan. Kenapa kita perlu mempertahankan ringgit?. Tidak ada siapa yang menyerang ringgit sekarang. Sebelum ini memang."

Mengenai samada keputusan oleh Tun Daim Zainuddin yang meletak jawatan daripada menjadi Menteri Kewangan baru-baru ini perlu dikaji semula, beliau berkata: "Tiada apa yang perlu dikaji semula. Kami hanya teruskannya. Terdapat sesuatu (yang lain) yang kami perlu kaji seperti Transit Aliran Ringan (LRT)."

Pada awalnya, kerajaan bercadang untuk menerbitkan bon bernilai RM6 bilion untuk mengambil alih aset dua syarikat pengendali LRT, Sistem Transit Aliran Ringan Sdn Bhd (STAR) dan Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn Bhd (Putra).

Bagaimanapun, kerajaan telah menangguhkan rancangan itu kerana menunggu syor-syor daripada Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat tentang pelan alternatif untuk syarikat-syarikat itu.

Kedua-dua syarikat itu dilaporkan dibebani hutang sebanyak RM6 bilion.

-- BERNAMA

MK MR MFJ JR